

Headline	Faizal sahut cabaran MHC ke final PSAS 2019		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	233 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,141		



Faizal sahut cabaran MHC ke final PSAS 2019

PENYERANG skuad hoki negara, Faizal Saari menyahut sasaran Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) yang mahu menyaksikan Malaysia beraksi pada final Piala Sultan Azlan Shah (PSAS) 2019 di Ipoh, Perak yang bermula 23 hingga 30 Mac ini.

Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal menganggap pentas final PSAS adalah sasaran realistik memandangkan juara bertahan, Australia dan beberapa gergasi Eropah tidak mengambil bahagian manakala Malaysia merupakan pasukan ranking ketiga terbaik selepas India dan Kanada pada kejohanan itu.

Bagi Faizal, 'mesin gol' skuad

Malaysian Tigers itu berpendapat suka atau tidak mereka perlu merealisasikannya kerana PSAS merupakan platform persediaan terbaik dalam misi mencapai matlamat sebenar tahun ini iaitu layak ke Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun.

"MHC sudah meletakkan sasaran untuk ke final, jadi kami sebagai pemain perlu mengambil cabaran itu. Ini adalah salah satu langkah persediaan kami sebelum menghadapi pusingan kelayakan Sukan Olimpik 2020," katanya kepada *Kosmo!* kelmarin.

Penyerang berusia 28 tahun itu dilihat berada pada prestasi terbaiknya selepas berjaya membantu Pasukan Hoki Terengganu

(THT) menjuarai Piala TNB selepas menewaskan juara bertahan, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pada aksi final Sabtu lalu.

Faizal juga menunjukkan prestasi konsisten seiring dengan statusnya sebagai penggempur utama skuad kebangsaan dengan meledak keseluruhan 11 gol sepanjang kempen Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

FAIZAL (kiri) sudah bersedia untuk mengharungi cabaran PSAS 2019 yang akan membuka tirai di Ipoh, Perak pada 23 hingga 30 Mac ini.

